



## PROFILE

### Jamaludin Bin Md Ali

#### **Naib Presiden Kanan, Divisyen Tanggungjawab Korporat, Johor Corporation / Ketua Pegawai Eksekutif Waqaf An-Nur Corporation Berhad**

- \* Berusia 58 tahun dan telah berkhidmat dengan Johor Corporation selama 23 tahun (bermula pada tahun 1992).
- \* Merupakan Naib Presiden Kanan, Divisyen Tanggungjawab Korporat, Johor Corporation. Beliau juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif dalam Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan Pengarah Eksekutif dalam Kulim (Malaysia) Berhad.
- \* Berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Strathclyde, Glasgow, Scotland.
- \* Memulakan kerjaya di Malayan Banking Berhad sebagai Pegawai Pelatih pada tahun 1982 dan kemudiannya berkhidmat sebagai Pengurus Dana Antarabangsa di Permodalan Nasional Berhad pada tahun 1991.
- \* Memulakan kerjaya di Johor Corporation pada tahun 1992 dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi pada tahun 2001.
- \* Pada tahun 2006, beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan QSR Brands Berhad dan KFC Holdings (Malaysia) Berhad apabila Kulim (Malaysia) Berhad, sebuah anak syarikat Johor Corporation mengambil alih sebahagian besar saham dikedua-dua syarikat tersebut.
- \* Pada tahun 2012, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Kulim (Malaysia) Berhad dan seterusnya pada Mei 2015 dilantik sebagai Naib Presiden Kanan Divisyen Tanggungjawab Korporat, Johor Corporation dan Ketua Pegawai Eksekutif, Waqaf An-Nur Corporation Berhad.
- \* Beliau membantu Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation secara langsung dalam merancang dan melaksana program-program tanggungjawab korporat melalui Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan Organasasi Bisnes Amal Johor Corporation. Ianya termasuklah program pembinaan dan penyelengaraan masjid, hospital dan klinik waqaf, program Bistari bagi meningkatkan kesedaran keusahawanan dikalangan pelajar-pelajar sekolah dan universiti, tuisyen, pembiayaan mikro kredit kepada ibu tunggal serta pelbagai program kebajikan dan kemasyarakatan.